Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuh kamu menjadi teman rapat, dengan cara kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita rahsia orang mukmin) dengan sebab hubungan baik dan kasih mesra yang ada di antara kamu dengan mereka, sedang mereka telah kufur ingkar terhadap kebenaran (Islam) yang sampai kepada kamu; mereka pula telah mengeluarkan Rasulullah (s.a.w) dan juga mengeluarkan kamu (dari Tanah Suci Makkah) disebabkan kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu. (Janganlah kamu berbuat demikian) jika betul kamu keluar untuk berjihad pada jalanKu dan untuk mencari keredaanKu. (Tidak ada sebarang faedahnya) kamu mengadakan hubungan kasih mesra dengan mereka secara rahsia, sedang Aku amat mengetahui akan apa yang kamu rahsiakan dan apa yang kamu zahirkan. Dan (ingatlah), sesiapa di antara kamu yang melakukan perkara yang demikian, maka sesungguhnya telah sesatlah ia dari jalan yang betul.

(Al-Mumtahanah 60:2)

Jika mereka dapat menguasai kamu, nescaya mereka menjadi musuh yang membahayakan kamu, dan mereka akan membebaskan tangan mereka dan lidah mereka terhadap kamu dengan kejahatan, serta mereka suka kalaulah kamu juga menjadi kafir (seperti mereka).

#perkara 2 —panjang lebar bekaitan ajaran sekular? PAS bagaimana?

“Mengelak diri daripada pujuk rayu syaitan tidak ada dalam ajaran sekular.”

“Syaitan, neraka, tak ada dalam pengajian sekular. Oleh yang demikian pada orang yang sudah menjadi sekular, 50 peratus daripada pengajian Islam sudah hilang.”

“Pengajian Islam termasuk perkara ghaib iaitu syurga, neraka, dosa, pahala, padang mahsyar. Semua ini tak ada dalam sekular, jadi tak pernah sebut, bila tak pernah sebut mereka lupa,” kata beliau di hadapan kira-kira 1,000 ahli yang hadir.

“Sekular tak bawa manusia ke syurga. Yang hanya membawa manusia ke syurga ialah Islam.”

“Umno atau golongan sekular kalau kita andaikan, seperti bas ekspres dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur. Tapi berhenti di Gua Musang, terliur tengok buah-buahan banyak, maka berhenti di situ sahaja, tak sampai ke Kuala Lumpur.”

“Samalah dengan Umno, nak ke syurga tapi tersekat separuh jalan kerana terpedaya dengan segala pembangunan dan kekayaan di dunia,” katanya.

Pandangan Orang Lama:

Barangkali TGNA kena baca cerita Malaysiakini Disember 11,2011 berjudul “Negara Berkebijakan PAS kini tanpa hukum hudud”.

Kalau baca berkali2 lapuran Malaysiakini, bunyi cerita PAS bersama Pakatan Rakyat lebih kepada perjuangan sekular!!!! Mungkin reporter salah lapur kot.

Tok Guru Hadi Awang bukan TGNA kata:

“Kita perjuangkan perkara yang sama dan tak ada perbezaan di kalangan (parti komponen) Pakatan Rakyat berhubung perkara asas kedudukan bersama dalam masyarakat majmuk.”

“Jika ada perkara yang berbeza, kita meraikan dan menghormati perbezaan di antara satu sama lain.

“Ini bukan sahaja menjadi amalan demokrasi, bahkan menjadi amalan ajaran Islam itu sendiri,” kata Abdul Hadi

Ada satu perkara lagi gambar foto antara 6 pemimpin PAS, yang tutup kepala hanyalah dua orang sahaja satu Tok Guru Presiden PAS , satu lagi kaum Hawa. Yang empat lelaki lagi dah tak nak pakai Lebai lagi ke?

#perkara 3 —Sayangnya TGNA kepada DAP

***no. 1 Hudud

“Orang PAS dari seluruh negara datang membantu kempen di Sibul biar pun habis duit dan tenaga tak apa asalkan dapat berkhidmat kepada Islam. – Harakahdaily 15 Mei 2010 berkaitan Kempen Utk Sang DAP di Sibul

Pandangan Orang Lama:

Tolong terangkan bagaimana boleh dapat berkhidmat untuk Islam dengan mengundi DAP? Bukankah DAP paling kuat tentang negara Islam di Malaysia. YB Karpal kata Malaysia tak boleh laksana hukum hudud kerana Malaysia bukan negara Islam. Tun Mahathir nak isytihar negara Islam, patut PAS sokong la dahulu. Senang nak buat hudud. Pasai apa tak nak sokong.

Pahang nak laksana hukum sebat, PAS juga kata tak ikut cara Islam. PAS nanti laksana hudud ikut cara Islam tak. Saya nak bagitau sikit PAS. Masa Pahang nak laksana sebab, patut hang pa semua sokong. Mula2 memang ada sikit kekurangan tetapi dengan sokongan padu PAS, UMNO pun berani langkah ke hadapan. sekarang PAS takut DAP, UMNO pula takut MCA. Pemimpin PAS dan UMNO dua2 tak boleh pakai!!!!Pi mai,pi mai orang Islam khususnya orang Melayu rugi. Hang pa takut apa? Takutkan Allah Yang Maha Esa bukannya makhluknya yang bernama Karpal Singh atau Chua Soi Lek . Perlaksanaan hukum hudud itu bukan UMNO masalahnya tetapi lawyer2 Pakatan jahat hang pa tu!!!! YB Karpal dan rakan2 sekeliling takut tak dapat cari makan, sebab dia dan anak dia mana reti undang2 syariah, susah cari makan nanti. Hang pa patut bawa lawyer negara Islam yang berpengalaman yang pandai sikit ajar dia betui2 apa dia undang2 syariah.

**no.2 Masam2 Manis nak layan YB Karpal
Lapuran dari Harakahdaily 20Dis 2010

**Mursyidul Am PAS, Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menyifatkan ‘di dada Karpal Singh ada bulan’, merujuk kepada lambang PAS adalah bulan.

Pandangan OrangLama :

Nasib baik bulan sejuk sikit, kalau matahari orang Kedah kata panas nak “mampuih”. Raket itu matahari atau bulan, tetapi yang pasti PKR ada bulan mata sepek!! Bergurau sikit ye!!!Jangan marah!!

Seterusnya adengan lebih mesra , YB Karpal berucap

“Jika Karpal beri ucapan penutup, bermakna dia akan duduk di sebelah Tok Guru Nik Aziz...apa salahnya...saya bukan sahaja duduk di sebelah Nik Aziz tetapi antara Tok Guru Aziz dan Tok Guru Haji Hadi hari ini,” kata Karpal yang mendapat tepukan gemuruh dari para perwakilan.

Pandangan Orang Lama:

merujuk kenyataan TGNA perkara 2 diatas yang berbunyi :

“Mengelak diri daripada pujuk rayu syaitan tidak ada dalam ajaran sekular.”

Ini mungkin bermaksud oleh kerana PAS bukan ajaran sekular, adakah bermaksud YB Karpal duduk diantara dua Tok Guru PAS adalah “Angel” ? Atau mungkin ada maksud2 lain ? Ingat apa YB Karpal kata kepada PAS berkaitan hukum hudud.

5. Panggilan Ukhwah Islamiyah

Marilah kita semua umat Islam bersatu hati mempertahankan tanahair. Yang hak perlu diberikan kepada yang berhak menerimanya mengikut peraturan yang telah ditetapkan Allah Maha Esa. Buatlah sesuatu sebelum terlambat.

Lihatlah Singapura, Israel, Iraq, Afghanistan, Czechnya, Bosnia, dan lain2. Adakah kita hendak biarkan generasi kita akan datang hidup dalam keadaan tertekan????

- *stripe*

December 11, 2011 at 10:17 pm | [Permalink](#)

Salam sejahtera Yab Tun,

Pandangan Yab Tun tepat.

Perkara sama akan berlaku pada pemilik Kampung Baru, Kuala Lumpur kerana pemimpin Melayu sendiri.

- *readman*

December 11, 2011 at 7:50 pm | [Permalink](#)

Quran 4:29

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah, kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu bunuh diri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

Quran 40:68

Dia lah yang menghidupkan dan mematikan; oleh itu apabila Ia menetapkan jadinya sesuatu perkara maka Ia hanya berfirman kepadanya: “Jadilah engkau!” Lalu menjadilah ia.

Beza-kanlah antara Tidak Takut Mati dengan Mahu Mati, Yang Mahu Mati adalah mereka yang Ingkar dengan Perintah Allah.

Quran 7:185

Patutkah mereka tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah, dan bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka? Maka kepada Hadis yang mana lagi sesudah itu mereka mahu beriman?

Terokai, pelajari segala Hadis di Langit dan Bumi, atau nama lain Sains dan Teknologi, agar dapat membantu dalam menjalankan Perintah Allah iaitu Hidup di Dunia ini.

Mati hanya ditentukan oleh Allah, bukan ditentukan kita Manusia.

- *Khairul-Dean*

December 11, 2011 at 7:03 pm | [Permalink](#)

samuraimelayu@gmail.com

Salam Hormat

(December 10, 2011 at 8:54 pm)

If PAS ever lead the country and imposes the Hudud Laws on the Rakyat (muslim an/or kafir), we wud love to see whether the non-malays will still stay put or pack their bags coz Hudud laws apply to all human beings (the citizen in its domain).. the rules of halal and haram should apply to ALL... NO EXCEPTION !!!

Is this a binding ‘fatwa’ from you? Could you share your good reasoning with us as how you came to that conclusion.

As for the democratic nation with a constitutional monarch do you think this is possible? Or do you think there need to be a major change in the Malaysian Constitution?

I would like to share with you:

i. Rasuah Menurut Islam

<http://www.scribd.com/doc/17895423/Rasuah-Menurut-Islam>

ii. Hudud & Its Implications On Non-Muslim In Malaysia – MCA Forum 04/12/2011

<http://mahaguru58.blogspot.com/2011/12/hudud-its-implications-on-non-muslim-in.html>

Do you think in Islam a constitutional monarch as is practiced in Malaysia is halal?

Are these all ‘acceptable’ bid’ah. I caution myself that there are some school of thoughts in Islam that are very extreme but right in their views. However we are only talking about Malaysia and

the thoughts of the Indonesian Abu Bakar Baashir's Jamaah Islamiyah may not be relevant. But I may be wrong.

Sekian.

- *adhraz*

December 11, 2011 at 1:47 pm | [Permalink](#)

...alahai Melayu Penang...spt melukut d tepi gantang..(tp member2 aku kt Penang habaq mai depa suka lagu tu...)

- *solve_it*

December 11, 2011 at 11:57 am | [Permalink](#)

Tun,

Siapa nak Melayu jd susah? Melayu, Cina, India semua pun kasihan Melayu tp jangan bila kasihan bermakna kena beri Melayu kesenangan yg tanpa berusaha. Nt Melayu terus dan terus jd leka krn apa yg dapat semua diberi bukan dari giat usaha.

Klu kita harap rezki tuhan tp tak dapat mesej sebenar dari tuhan bahwa rezki kena berusaha itu la punca masalah sebenar.

Sekadar politik bersorak Melayu hidup, kesian Melayu dan api kan benci kaum lain ni apa faedah? Sy percaya Melayu klu rajin takan Melayu hilang didunia. Klu Melayu leka maka setinggi silat Hang Tuah seorang tak dapat tanggung. Kembali kpd agama iaitu berusaha dan berbaik sesama kaum, kan semua kita anak adam dan hawa. Msh hormat Tun org tua tp teguran mesti ada klu mcm perjuangan tersasar.

- *kenapa*

December 11, 2011 at 9:33 am | [Permalink](#)

Assalamualikum Tun

Melayu tidak akan hilang dari tanah ini – tapi Tanah Melayu sudah banyak yang TIADA!

Ini bagaikan orang asli yang kehilangan tanah yang mereka duduki kerana diancam pembangunan.

Orang Melayu diancam pembangunan yang akan menyebabkan mereka akan kehilangan tanah mereka.

Saperti perlumbaan F1, kereta & pemandu akan berlumba dengan peraturan yang disediakan. Kalau tak mampu – KALAH!

Melayu akan HILANG segalanya kerana Melayu sendiri.

Orang kata:

‘Banyak bangsa hanya tahu mengambil sahaja, tidak memberi. Jika mereka memberi ianya kerana mereka mahukan lebih banyak lagi!’

Melayu juga sudah pandai dalam hal ini – mereka memberi untuk mendapatkan undi dan selepas dilantik mereka akan mengambil dan tidak memberi!

Hati-hati semasa mengundi. Ada harimau bertopengkan rusa!

Melayu akan hilang kerana pemimpin yang mereka lantik hilang keMelayuan mereka.

- samuraimelayu@gmail.com

December 10, 2011 at 8:54 pm | [Permalink](#)

SALAM KASIH DAN SAYANG
AYAHANDA RAKYAT TUN
Izinkan,

tenori lopez said,

... So much for your racial card, let me remind you that many times You and Your Party Won due to the support of Non Malays especially in 1999.

Salam kasih sayang tenori lopez,

The many times BN won by 2/3 majority was becoz the Rakyat (Malay and/Non-Malays) were appreciative of the prosperity, stability, peace and harmony they enjoyed during Ayahanda Tun era.

Eg. Malaysians, irrespective of race, creed and religion will flocked by the thousands come ‘kongsi raya’ festives and the ‘Jalur Gemilang’ will be flown in homes and vehicles by the millions comes our Merdeka celebrations... aint it a fact, sir? Only ingrates like you did not know how to appreciate those happy days!

Further you said..

Are you aware of the statistics of Non Malays who have migrated since the 2008 General Election? It was 350,000 as of last year.

And you think that is a shocking loss to us Malays?.. then you’re dead wrong dear sir. We were hoping that the figure wud swell to 3,500,000 sooner than later and that would surely rid this beloved Tanah Melayu of the known and perpetual Bribers of the Nation and making the government job of eradicating corrupt practices much easier.

There will be no taker is there is no giver.. do we tango tenori, sir?

Very Sad Dato'Seri, Very Sad and you surely know that this country cannot live without the Non Malays, This is an honest fact. Can Malaysia survive without The Malays? You know the answer too.

Oh, how we wish the whole lot of the non-malays wud denounce their citizenship and migrate to the land of their dreams soonest possible and better still be a naturalized citizen of the ancestors' homeland.

We believe both the embassies of China and India will welcome their countrymen with open arms.

Bon Voyage fellow ingrates.. now you know the answer too, eh?

ALFATIHAH, AMIN

Ps. If PAS ever lead the country and imposes the Hudud Laws on the Rakyat (muslim an/or kafir), we wud love to see whether the non-malays will still stay put or pack their bags coz Hudud laws apply to all human beings (the citizen in its domain).. the rules of halal and haram should apply to ALL... NO EXCEPTION !!!

Unless PAS practices only what it preaches and NOT what THE religion ISLAM preaches.. Wallahualam

• *AHMAD BADRI*

December 10, 2011 at 5:13 pm | [Permalink](#)

Salam Tun,

Nasib orang Melayu Pulau Pinang telah diperkatakan sejak zaman Lim Chong Eu menjadi Ketua Menteri lagi. Semasa zaman Koh Tsu Kun, pemindahan orang Melayu dari Pulau Pinang amat ketara. Ramai yang berpindah ke Kulim, Selatan Kedah, dan kawasan Permatang Pauh. Ada orang UMNO menjadi Timbalan KM, tapi haprak, satu apa tidak dibuat untuk menolong orang Melayu Pulau Pinang. Anda pergilah lihat sendiri projek perumahan yang bagitu giat berlaku di Kulim, siapa pembelinya? Orang dari Penang. Sehinggakan Tesco dan Giant supermarket pun sudah beroperasi di tempat yang sepatutnya terpencil.

Kini, Pulau Pinag sudah di kuasai DAP, maka bermaharajalela meraka. Tambahan pula mereka disokong oleh kaum muda Melayu yang "liberal" yang tidak kisah apa terjadi kepada Melayu, kerana kita orang "Malaysia", kata mereka. Usah difikirkan hal Melayu, kata mereka lagi.

Anda boleh pergi ke kawasan Jelutong di Pantai barat Pulau Pinang, tanya sendiri kepada orang tua-tua Melayu di situ di Kg Taman Medan dan Kota Giam. Mereka akan berkata, "Kami sudah jadi saperti orang Palestin, di buang dan dihalau dari tanah bumi sendiri oleh DAP dan dulu oleh Koh Tsu Kun dan Lim Chong Eu". Tanah mereka kini kian habis di ambil oleh Towkey besar Cina, di sokong dan dibantu pula oleh Melayu haprak, yang tumpang menerima habuan wang berjuta. Antaranya orang UMNO juga. Sebidang tanah yang bagitu luas dipunyai oleh ahli politik Melayu, tetapi dijual juga kepada towkey Cina, tanpa mengambil kira nasib penduduk

Melayu yang terpaksa berpindah. Mereka terpaksa berpindah, bukan secara sukarela, tetapi akibat putar belit mereka yang berkuasa supaya tidak bersalah dari segi undang-undang.

Anda pergilah lihat sendiri keadaannya di Jelutong, kawasan yang masih ada orang Melayu. Agendanya, supaya Melayu habis dari situ. Digantikan dengan kondo mewah yang tiada Melayu akan beli. Kalau mampu pun mereka tidak akan membeli kerana jirannya kelak akan memasak babi, dan menyimpan anjing. Disengajakan supaya Melayu tidak hadir. Itu hati perut mereka.

Pergilah pula ke Batu Maung, dibawah sana, tanah indah memandang laut, yang dulu masyhor dengan durian kampung semuanya kepunyaan orang Melayu. Kini sedikit demi sedikit sudah bertukar tangan, kepada towkey Cina yang akan membina kondo mewah. Rumah-rumah orang Melayu yang banyak disitu sudah bertanda akan dirobh.

Bagi Towkey Cina, bos DAP, bos Gerakan atau bos MCA serta Melayu haprak, ini ialah “strictly business, willing buyer willing seller”. Tetapi bagi saya ini bukan jual beli sabenar, tetapi pemaksaan, rampasan tanah Melayu ala Lee Kuan Yew. Gunacara bos Cina ialah gunakan Melayu haprak. Oportunis Melayu yang talam dua muka.

Tanah-tanah disepanjang Pantai timur Pulau Pinang ini nilainya tinggi. Feng Tsuinya amat baik – memandang laut biru, dan memandang matahari naik. Lebuhraya pun cantik sepanjang Pantai, iaitu Lebuhraya Lim Chong Eu dan lebuhraya Sultan Azlan Shah, yang menyambung seluruh pantai ke George Town dan tanah besar. Mau keseberang pun mudah, melalui Jembatan Pulau Pinang, dan tidak lama lagi jembatan kedua. Memang nilai sabenar tanah-tanah di kawasan Pantai ini amat berharga. Kondo mewah yang ada sekarang (yang sangat banyak) di Pantai Jelutong dan Gelugor dijual lebih dua juta ringgit, paling murah setiap satu. Satu kompleks kondo katalah 20 tingkat ada paling kurang 200 biji kondo. Untung pemaju berbilion. Banyak mana yang tuan tanah Melayu yang dapat? Kacang putih.

Walhal, syarikat kerajaan juga boleh menjadi pemaju, atau pun mana-mana orang kaya Melayu pun boleh, yang menjadi kaya ditolong oleh UMNO. Dan jika mereka prihatin, berikan tempat kediaman baru sebagai ganti tanah yang diambil kepada tuan tanah atau tuan rumah yang asal, supaya mereka kekal di Pulau Pinang, ditanah tempat lahir mereka sendiri. Tetapi ini tidak berlaku, kerana agendanya ialah untuk Melayu dikurangkan dari bumi Pulau Pinang. Melayu lihat wang pampasan sudah tidak terdaya melawan. Dan lagi pun terlalu ramai Melayu haprak yang mementingkan diri sendiri yang menjadi tali barut.

Masalah Melayu Pulau Pinang sudah begitu lama diujahkan, tetapi UMNO dan PAS tidak ambil kisah. Kini UMNO pula sudah berhujah, ”UMNO tidak berminat untuk mengetuai kerajaan di Pulau Pinang.” Saya rasa termuntah.

- *amin tan*

December 10, 2011 at 11:40 am | [Permalink](#)

Salam Tun,

Melayu memang lemah. Jika kita hendak mengalirkan air mata kesedihan kerana melayu lemah kita akan menjadi kaum yang lebih lemah apabila kita mula membenci kaum lain. Betul kata Zulkiflee, kelemahan Melayu boleh dilihat di Selatan Thailand, Singapura dan Filipina. Di Singapura, Lee Kuan yew tidak anti Melayu, tetapi pro meritokracy, iaitu dasar pro kewibawaan. Singapura pro mereka yang bijak pandai tidak kira apa warna kulit, agama dan fahaman. Orang2 Cina bawahan di Singapura diketepikan dan digantikan dengan orang2 asing yang lebih pandai dan berkelulusan tinggi. Lee Kuan You mengutamakan bahasa Inggeris.

Di selatan Thailand yang terdiri daripada 3 wilayah majoriti Melayu telah ditakluk oleh Siam. Orang2 Melayu di sana hanya boleh membaca dan bertutur bahasa Siam. Pejuang2 Melayu ditembak dan dibunuh begitu saja.

Mengikut sejarah pula, Francis Light founded Penang dan Stanford Raffles founded Singapore. Orang2 Inggeris terjumpa Pulau Pinang dan Singapura yang dihuni oleh sedikit orang Melayu yang masih berkaki ayam.

Lebih baik kita berjuang atas dasar islam untuk dunia dan akhirat. Lebih baik kita beriman kepada Al Quran dan berpandu kepada sunnah dan hadis nabi Mohammad. Janganlah kita membenci dan mengapi-apikan kebencian sesama kita, Melayu, Cina atau India. Kita semua keturunan nabi Adam. Dalam islam, ketaqwaan kepada Allah lebih diutamakan, wallahu alam.

amin tan

- *fazilis*

December 10, 2011 at 10:13 am | [Permalink](#)

Tenori Lopez is so full of him/herself. Rotfl, you should know this, you should know that, do you know this, do you know that...Hello many of us here you including probably have not done and achieved 10% of what YBhg Tun has done and achieved for himself and Malaysia.

- *mushtar*

December 10, 2011 at 9:39 am | [Permalink](#)

salam

satu tanggung melayu...

satu tanggung islam melayu...

satu tanggung rakyat melayu...

rasanya tak mengundi adalah yg terbaik tun...

susah nak cari leader yg sincere pada anak bangsa tun baik dari UMNO, PAS dan PKR...

dari segi ekonomi melayu...kata orang...makan sikit-sikit sudahlah...jangan sampai mentedarah...makan biar ramai-ramai dalam satu talam...ini untuk kurangkan jurang kapitalis dalam masyarakat melayu itu sendiri...

UMNO selalu laungkan melayu harus dibantu...org bawahan mencebik...sebab tahu golongan melayu mana yg akan dibantu...

apa yg berlaku sekarang lebih kurang macam 13 mei juga...cumanya ke tidak puas hati lebih kepada melayu biasa dengan melayu elit...jurang ekonomi antara melayu elit dan melayu biasa terlalu jauh...

jurang ekonomi yg berbeza antara dua golongan ini pula dilihat terjadi disebabkan dasar yg sepatutnya digunakan untuk membantu melayu secara keseluruhannya...bukannya sebilangan kecil...

Umno sebagai parti pemerintah pula...org tak benci UMNO...tapi org nak tengok UMNO jatuh...

- *musato*

December 10, 2011 at 9:00 am | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun.

Oo..Tun nak tulis buku dilema Melayu.

Pada pandangan saya,orang Melayu tak banyak berubah.Yang miskin sebab malas dan tiada pendidikan pun masih ada.

Tapi pada pihak kerajaan usaha dakwah pun masih kurang.Banyak lompong tak diusahakan.Macam filem dibiarkan merosak akidah dan akal rakyat sendiri.Gejala murtad diberitakan banyak.Semua ini kerana tiada gerakan dakwah dari individu yang kaya.Saya suka mendengar orang tua dahulu berdakwah dan buka masjid (bukan dengan mintak derma sana sini).

Pada zaman Tun jadi PM pun gerakan dakwah tak berapa.Malaysia dikenali oleh dunia Islam kerana Malaysia bukan kerana kukuhnya akidah muslim di dalam negeri negeri Malaysia.

Diharapkan pengenalan transformasi ekonomi 360 darjah 1 malaysia akan dapat mengatasi lompong yang sedia ada.Ia bergantung pada siapa PM kita.Duit banyak.

Duit orang Islam pun banyak.Duit zakat,wakaf dan harta pusaka tak dituntut pun banyak.Masalahnya pengurusan tak tahu berniaga.Sombong dapat kerja kerajaan.Tukang interview yang sombong akan ambil orang sombong jugak.

Jadi apa masalahnya untuk orang Melayu berpusat di bandar?

Masalahnya adalah nilai dalaman orang Melayu. Orang Melayu kuat kerana ulama dahulu menanam akidah Islam. Lepas merdeka dah kurang. Kita cuba kembalikan. Malaysia ada potensi besar jika PM tahu menggunakannya.

Dan dengan izin Allah swt, Tun tetap akan ke 2020. Apa yang kita mintak itulah akan diperkenankanNya.

Saya sendiri harap bulan ni dapat kumpul RM1x,000 untung bersih untuk beli mesin dough rounding. Untung 3 bulan berniaga.

Terima kasih Tun.

- *arabaz*

December 10, 2011 at 4:26 am | [Permalink](#)

Salam Semua !!

Melayu Pulau Pinang.

Saya ada beberapa cerita untuk dikongsi bersama.

Penempatan rumah kos rendah

Seorang kakitangan syarikat saya menceritakan pengalaman beliau membeli rumah kos rendah. Beliau merupakan melayu Pulau Pinang berpendapatan Rm900 sebulan dan isteri beliau juga berkerja. Beliau telah di tawarkan rumah kos rendah didalam pulau pinang bersukur tak terkira. Keutama kepada yang berkeluarga. Apabila sampai di syarikat pemaju untuk menyerahkan wang penampahan, beliau telah diberitahu oleh pihak pemaju (berbangsa Cina) hanya dua bank kewangan sahaja yang boleh beliau buat urusan pinjaman kewangan, salah satunya Maybank. Beliau pun apa lagi lengkapkan dokuman dan terus ke bank untuk pinjaman. Malang sekali kedua-dua bank telah menolak permohonan beliau. Beliau menjadi buntu dan tertanya-tertanya apakah masalah sebenar. Sehingga satu hari beliau terjumpa kawan lama yang berkerja di bank Maybank, kawan beliau memberitahu bahawa arahan dari ketua bank semua permohonan pinjaman untuk kemajuan pemaju tersebut itu hendaklah ditolak, alasannya pemaju tersebut bermasalah..dan ketua bank itu juga berbangsa Cina. Oleh itu beliau pergi bank kewangan CIMB .dan permohonan beliau telah diluluskan dan beliau memiliki seunit rumah kos rendah tersebut. Jika beliau tidak meneruskan usaha atau tidak diberitahu tentang kedudukan bank tersebut, sudah tentu beliau tidak akan memilkinya. Beliau juga menceritakan bahawa jiran beliau yang berbangsa Cina tidak menetap di pulau pinang berkerja di Kuala Lumpur (lagaknya Mewah). Rumah tersebut sebagai persinggahan percuitan sahaja. Bangsa cina ini menjalankan kegiatan mereka sungguh halus seperti menarik rambut dalam tepung. Hinggakan bank kewangan yang dimiliki kerajaan juga di kuasai oleh mereka .

Cerita kedua saya adalah sikap

Tabiat duduk di bawa ketiak ibu & bapa telah menjadi kelaziman penduduk melayu, hinggan yang dah berkeluarga juga duduk sama. Ini adalah kerana menjaga kewangan. Tetapi apabila adikberadik sebumbung semua mula membesar ruang rumah menjadik kecil. Tanggungan juga bertambah besar. Apabila kesedaran mula dirasai maka mula lah fikir tetang nak beli rumah, tapi

sayang kesedaran sudah terlambat kerana harga rumah meningkat mengila. Jadi terpaksa lah mencari rumah yang dipinggir atau pindah terus ke seberang (tanah Besar) atau ke sungai petani kedah. Jika awal2 dulu sikip ingin berdikari ini ada maka masing2 insyallah dapat juga memiliki rumah sederhana. Dulu tahun 95 apartment di sekitar pulau pinang boleh dimiliki dari 80K hingga 150k berbeza sekarang sekitar 300k hingga 500k perbezaan ketara 15 tahun... rumah saya beli pada tahun 2004 adalah 350K tetapi sekarang harga pasaran telah mencecah 800k, jika sekrang ini saya hendak membeli 800k sudah tentu saya tak mampu memilikinya. Apa tah lagi dengan kepayahan peminjaman kewangan.

Banyak juga sikip melayu kita yang harus di kikis. Hasat dengki ni selalunya menjadi teraju uatama kearah kemunduran. Jaki tengok org lain Maju.!!!

- *halu*

December 10, 2011 at 2:13 am | [Permalink](#)

TO: zerobrickk

3). Non-Malay ni hidup semata2 untuk duit, manakala Melayu tidak. Melayu hidup berlandaskan Islam, ada keseimbangan.

- This sentences is a joke! U all like to act as if you all are so sincere to your own Malay. Melayu khianat melayu is what we see nowadays. Fighting among each other. And AMNO, its one of the most corrupted party well-known by everyone of the people. And the hoo-raa holigon is everywhere.

It's totally corrupted to the core.

Look at what Mohd. Ghani did?

1st, coffin, 2nd, black rose, now? Send shit to ppl. And no action taken by anyone. It's damn corrupted. The cow case?

All this is not for the sake of money? Where is the so-called 'keseimbangan'? Please take a good look at your own race before commenting.

"Melayu hidup berlandaskan Islam, ada keseimbangan.", Phuiik!!

- *tauugi*

December 10, 2011 at 1:53 am | [Permalink](#)

Salam Tun.

Cerita sedih yang Tun perkatakan ini amat memilukan mengenai nasib orang2 Melayu. Apa yang telah terjadi di PP memang pun berlaku juga dimana2 di Malaysia. Kebanyakan orang Melayu sudah terpinggir.

1. Semua ini berlaku kerana faktor orang Melayu sendiri yang malas dan tidak berani mengambil peluang dengan kemajuan pesat ekonomi negara. Ada pun yang berani mencebur diri dalam perniagaan namun berbagai halangan dikenakan oleh pihak yang pegang kuasa ekonomi. Bank2

yang diterajui oleh kaum asing meragui kemampuan orang Melayu berniaga justeru ramai kalangan Melayu yang bersemangat berkobar2 ingin bersaing secara sihat sebenarnya tidak kesampaiaan hasrat untuk berjaya dalam bidang yang ingin diceburi.

2. Tabiat Melayu membiarkan pendatang asing merebut semua peluang ini dan mereka (Melayu) hanya jadi penonton sahaja. Akhirnya bila kekuatan ekonomi pendatang asing ini sudah kukuh maka sedikit demi sedikit orang Melayu sudah diresapi perasaan “inferior complex” dan mula mencari jalan keluar daripada pembangunan pesat tersebut dengan cara menjual tanah2 yang walaupun mahal dan menguntungkan bagi mereka waktu itu tapi sebenarnya masih mampu dibeli oleh kaum pendatang yang dah kaya raya.

3. Sikap pemimpin Melayu sendiri yang menjadi hamba kepada kemewahan kebendaan (materialistic), mudah terpengaruh dengan kesenangan segera yang sementara, mengamalkan rasuah dan tidak patriotic.

Orang Melayu mesti “transform” diri mereka. Daripada selalu bersikap tidak apa, harus bersikap ambil peduli. Daripada bersikap murah hati mesti bertukar tegas dan jangan mudah memberi dan mengalah kepada kaum yang tak berbudi bahasa dan rakus ini.

Orang Melayu mesti bersikap kejam dan kurang ajar. Mana2 yang melanggar tata susila perlembagaan contoh namewee sepatutnya diberi amaran tegas, akur dengan perlembagaan atau dilucutkan kewarganegaraan. Pemimpin Melayu banyak yang bacul dan pengecut.

Toleransi atau tolak ansur jangan dengan gampang diberi. Kita ambil sikap kaum yang kuasai ekonomi kini, pelajari bagaimana sentimen mereka yang tinggi untuk menafikan hak2 kepada kaum Melayu. Kita contohi sikap bagaimana mereka membantu sesama kaum mereka sehingga berjaya dan mewah.

Jika orang Melayu masih berlemah lembut, bersopan santun, dan mengharapkan pujian konon kita baik dan berbudi bahasa maka akhirnya kita juga yang rugi. Kuasa politik sudah kurang bila kerusi2 majoriti Melayu kita beri pada mereka atas dasar konsep kongsi kuasa konon. Yang rugi kita sebab bila Melayu tersepit mereka tetap menyebelahi kaum mereka DAP dalam perjuangan perkauman mereka. Contoh2 sudah banyak yang nampak masa kini bagaimana layanan kaum ini setelah mewah dan berkuasa telah memperlekehkan orang Melayu. Segalanya dipertikaikan konon orang Melayu pun pendatang di Tanah Melayu, mereka menghina Raja-Raja Melayu, mereka melaporkan kepada dunia bahawa mereka dianak tirikan dan teraniaya di Malaysia. Malah ramai juga Melayu yang bersekongkol dan jadi penghianat kepada Melayu yang lain.

Orang Melayu memang tak hilang didunia tapi apa guna jadi orang Melayu jika tanah tumpah darah pun tak dapat dipertahankan. Saya setuju dengan Tun.

- *nfx*

December 10, 2011 at 1:49 am | [Permalink](#)

Assalamualaikum TUN,

Content TUN terbaru begitu sinis sekali..content yang membuka minda orang melayu supaya sedar dimana mereka berada sekarang..

Pendapat saya, apa yang diluahkan oleh TUN adalah berpandukan kepada Bangsa Melayu itu sendiri. Setiap bangsa mempunyai perangai dan cara berbeza-beza..

Saya tidak berminat pada sejarah kerana saya tidak suka membaca...jika saya membaca, saya suka skip setiap bacaan dan hanya cuba memahami apa yg cuba diterapkan...

Benar kata Hang Tuah, xakan melayu hilang didunia. Kerana apa?? Orang Melayu yang maju pada zaman dulu, mempunyai asas perjuangan yang kukuh..Memartabatkan ISLAM..Perjuangan mereka disertai dengan keimanan didalam hati..

Walaupun setinggi mana seseorang ISLAM itu naik, tanpa keimanan mereka akan menerima satu tamparan yang hebat oleh Allah s.w.t...

Perjuangan ISLAM yang harus diperjuangkan? islam moden, islam hadhari, islam PAS, islam liberal @ islam yg mcm mana?...ISLAM tidak mempunyai nama pelik2 dibelakang & perjuangan yang berbeza-beza...ISLAM hanya satu dan terletak pada satu asas perjuangan iaitu ketakwaan kepada allah s.w.t..Perjuangan mereka terletak kepada keimanan mereka sendiri...

TUN ada mengulas mengenai krisis kewangan dunia, krisis kewangan asia....TUN juga berjaya membawa malaysia keluar dari menimpa nasib berhutang dengan IMF...

Masalah kewangan dunia yang berlaku sekarang adalah disebabkan kebodohan kita sendiri untuk mempelajari sistem pentadbiran kewangan..Sistem yang kita gunakan sekarang juga ibarat BOM MASA yang akan meletup dimasa akan datang..Sistem kapitalis demokrasi yang memaksa manusia berhutang & menjadi hilang akal akibat keberhutangan yang tinggi...

Adakah melayu yang bersalah didalam HAL-HAL berikut...bukan melayu yang bersalah, tetapi keimanan orang melayu itu sendiri yang hancur...Tidak ada asas perjuangan yang tetap...Hanya tahu COPY PASTE daripada journalist yahudi, journalist kristian...Sedangkan ISLAM itu sendiri telah melengkapkan segala sistem kewangan, pentadbiran & perundangan....

Pandangan saya, Melayu tidak akan Pupus & tertindas dibumi sendiri...Ini kerana telah terbukti sejarah lampau dahulu kala...walaupun berlaku kejatuhan pemerintahan melaka, pentadbiran melayu lain tetap utuh, walaupun sejarah yang ditulis tidak lengkap...

ALANGKAH BAGUSNYA JIKA TUN DAPAT MENGULAS SEJARAH PERADABAN ISLAM ZAMAN PEMERINTAHAN KHILAFAH ISLAM + ZAMAN PEMERINTAHAN ISLAM SEBELUM KEDATANGAN PORTUGIS D NUSANTARA....

SEJARAH KEKUATAN PEMERINTAHAN MELAYU ISLAM D NUSANTARA SEHINGGA KINI BELUM TERUNGKAI....

nFx
noframex.blogspot.com

- *musato*

December 10, 2011 at 12:52 am | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun.

Apa nak dikata? Di depan mata saya terdapat misi kehidupan.

Laki penagih dadah. Anak berhenti sekolah. Beranak pulak mak ai ramainya. Rumah makin lama makin buruk.

Ada laki tak tahu kerja apa. Makan pun nak mintak anak perempuan belanja.

Siapa yang salah? Orang Melayu itu sendiri atau kerajaan atau jiran-jiran?

Perkara yang tidak akan selesai dengan mengutuk bangsa lain dan memperendahkan bangsa sendiri.

Kalau ada kerja dan nak bekerja pun dah mujur Tun.

Terima kasih Tun.

- *akim*

December 9, 2011 at 11:40 pm | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun dan Para Pembaca,

Kita Melayu, kita sembah Tuhan Yang Satu, kita bina negara yang satu, Malaysia, tanah tumpah darah airku.

Kita umpama adik beradik, dicincang tak putus, dipisah ketemu jua, diroboh membangun semula,
Melayu jua bangsa kita.

Tanpa kita sedar, abang-abang kita bertikam lidah, tuduh-menuduh antara mereka, kami betul mereka salah,
”Adik-adik” yang berpecah belah.

Wang ringgit menjadi senjata, sesama mereka ular berbisa, bahasa kesat gincu mereka, Berdegil kepala fikir mereka yang Maha Esa.

Kita satu bangsa, mengapa perlu membinasa, tolong-menolong sesama kita, apabila musibah kita pikul bersama,
Agar MELAYU dipandang MULIA.

Mengapa Barisan dan Pas tidak sekepala, warna kulit sama sahaja, sembah Allah Yang Maha Esa. Pabila Pas tidak berdaya, mengapa Barisan tidak membantu sama. Pabila Barisan salah melangkah, mengapa Pas tidak menunjukkan arahnya.

Tidak kata mereka, masing-masing keras kepala, kami benar kami betul, mereka salah mereka durjana. Sungguh sayang orang Melayu, nama satu bangsa, badan sejuta warna. Sungguh sayang orang Melayu, hari-hari mengasah lidah, untuk pertahan maruah. Inikah maruah kita, saling bertikam bukan saling memaham.

Wahai abang-abangku, Malaysia Ibu pertiwiku, kutidak punya bapa pertiwi, jadi, siapakah yang akan menyara "keluarga" ini kalau bukan kita sendiri. Melayu perlu bersatu, tanpa mengira PARTI, tanpa mengira pangkat, tanpa mengira darjat, kerana kita Anak Melayu.

*kenapa BN dan Pas tdk bersatu??sedangkan sama-sama Melayu, sama-sama sujud..?fikirkanlah...

*maafkan saya DR. kerana berpolitik. Ini agar kita Melayu bersatu.

Terima Kasih.

- *Politicalamity9*

December 9, 2011 at 9:13 pm | [Permalink](#)

Salam Tun,

I sense a great deal of sarcasm on the last paragraphs... org kampung saya kata 'chamdek baguih punya'.

anyway, my thoughts are the same.

- *anak2Chedet*

December 9, 2011 at 1:20 pm | [Permalink](#)

Salam sejahtera buat Ayahanda sekeluarga semoga dirahmati Allah swt hendakny.

Dengan izin,

Perkara 8# "Bukankan Hang Tuah telah berkata tak akan Melayu hilang di dunia"

kata2 itu bukannya ditujukan kepada kebanyakan Melayu; tetapi dikursuskan kepada Melayu yang kenal "JALAN PULANG" dengan penuh makna yang tersirat, yang pasti akan terhuraikan pada satu masa yang dijanjikanNYA nanti.

- *andrewtay85*

December 9, 2011 at 12:55 pm | [Permalink](#)

Aiksss kenapa menangis ? Tak kan lah perlu menangis ni.

Kalau cerdik kita boleh bersaing dengan gah orang putih. Kalau malas and bodoh, sorry lah, Tuhan pun tak boleh tolong.

Yang ini lah sikap orang bumiputra. Sekejap sekejap ingat masa dahulu. Bukan lah orang bumiputra masa dahulu gah juga. Sudah tiga kali dijajah. Manalah ada bangsa lain yang dijajah tiga kali?

Kita perlu menyahut cabaran masa kini. Tak guna kita merenung pencapaian masa dahulu. Rakyat perlu progressive. Penerongan masa dahulu hanya efektif kalau kita belajar dari kesilapan dahulu Aslsee.

Cabaran orang malaysia ialah untuk mendidik generasi muda. Jangan biar mereka menjadi sampah masyarakat aka mat rempit, perogol,pelepak, popper, penzina (if there is any such word). Kalau mereka tak sanggup belajar, kita kena pukul sama dia. Jangan disayangi terlalu ni. Pukul setengah mati baru dia pandai belajar (tapi jangan pukul kepala. otak dalam kepala).

Kita perlu versatile. Ciri-ciri baik dari kaum lain perlu dibelajari supaya kita ada kelebihan untuk bersaing. Wahai kawan kawan, sedar lah. Dari dulu Dr Mahathir sudah menasihati kaum Melayu perlu lebih rajin dan berdikari. Belajar lah dari kaum bukan bumiputra. Jangan seperti Si Tuntuah itu yang ada pemikiran sempit. Perangai macam itulah yang patut dijauhi kerana ia akan menyebabkan orang Melayu ketinggalan.

- *golami*

December 9, 2011 at 12:25 pm | [Permalink](#)

pedasnya

- *Roslizaman*

December 9, 2011 at 11:38 am | [Permalink](#)

Assalaamualaikum Tun

Duduk mengalir air mata
Zaman dahulu di keneng jua

Sangat di inginkan Tun memerintah semula
Tapi apakan daya belum berjaya (Insha Allah).

Terima kasih Tun atas peringatan yang di beri.
Sebenar nya Tun perkara ini menyusup dengan perlahan dan teratur.Kalau kita miskin biasanya kita akan di tindas.Ini adalah kenyataan.
Adakah satu kesalahan apabila Tun laungkan Bumiputra perlu berada?

Sebenar nya kalau kita lihat ideology ini berjalan begitu teratur sekali,bukan sahaja kita dipinggir malah bangunan bangunan yang berbentuk keMelayuan juga kita dapati semakin terhakis.Mahu saya tekankan di sini siapa yang mengawal perkara ini semua?

Saya rasa satu satu nya kesalahan dan kelemahan kita, kita tak mahu 'nib in the bud' nanti bila perkara sudah terjadi lama, baru lah kita mengungkit nya.

Walau pun kita sedia maklum developer ramai yang bukan berbangsa Melayu, saya merasakan bentuk bangunan perlu di kawal,umpama nya betuk bumbungnya,dan lain

Saya berharap kerajaan kita melihat secara terperinci dan mengambil berat tentang perkara ini.Harap Tun dapat membantu.

Jangan jadi saperti si luncai.Renongkan

Terima kasih Tun yang di Sanjung

- *thibadaeux*

December 9, 2011 at 11:23 am | [Permalink](#)

Dear Tun,

Biggest problem right now, even they are born in Malaysia, and given a Malaysian citizenship, they still want to be Chinese and Indians.

They are unhappy with the country, they migrated to Australia, NZ and US but the funny thing is that they do not want to migrate to their country where they can practice their culture freely (India and China).

MEMILIH!!

- *Anaktokawang*

December 9, 2011 at 10:00 am | [Permalink](#)

Salam semua,

Tak ramai rakyat Malaysia yang mengetahui nasib meLayu Pulau Pinang. Malahan ramai meLayu Pulau Pinang tak mengetahui nasib mereka sendiri. Pergilah ke Balik Pulau dan kawasan sekitarnya. Jalan ke sana sahaja sudah menunjukkan nasib buruk mereka, lebih buruk dari kebanyakan jalan di Malaysia. Pulau termaju di Malaysia, sebahagiannya cuma setaraf dengan pulau Papua N G, bahagian yang majoritinya Melayu.

So close, yet so far.

- *amin tan*

December 9, 2011 at 9:56 am | [Permalink](#)

Salam Tun,

Saya setuju dengan rencana Tun kali ini. Apa yang dikatakan oleh Tun adalah benar. Saya hendak tambah dan beri sokongan sedikit. Rata2 pusat bandar baru yang maju dan berkembang pesat di Kuala Lumpur dan Selangor, pemilik2 perniagaan hampir semuanya dimiliki oleh bukan melayu, seperti di pusat perniagaan Bandar Seri Petaling dan Seri Hartamas. Tidak dapat dinafikan kaum Melayu perlu diberi perlindungan ekonomi. Tetapi orang seperti saya yang menyokong kebenaran dan kesejasteraan disanggah dan dipandang sepi.

Saya juga menyokong komen Sdr Samurai Melayu yang senantiasa tenang dan beri pandangan yang bernas dan berhidayah dan tidak berketerlaluan.

Saya mengajak orang2 bukan Melayu supaya memahamilah dan pelajarilah agama Islam semoga mendapat kebaikan dunia dan akhirat. 'Robana athina fi dunia hasanah, wa fil akhirati hasanah, wa kina azar barna.' petikan ayat Quran.

Marilah kita sama2 berjaya Melayu dan bukan Melayu. Haiya ala falah. Haiya ala falah. Allahu akhbar. Allahu akhbar. La ila ha illallah.

amin tan

- *maae*

December 9, 2011 at 2:27 am | [Permalink](#)

Salam Tun Yang Di Hormati,

1. Bukan melayu itu lari dan melarikan diri. Melayu itu sering di KETEPIKAN ! Segala macam helah di laksana agar melayu tidak lagi wujud atau mampu dalam tanah air nya sendiri ! Ini realiti tersirat meniti masa....Agenda nya tersimpul erat dalam rahsia.

2. Melayu di depan mata, bergolok bergadai, namun bangsa asing jua bakal di julang. Penuh lakonan dan adegan sandiwara semasa! Ia kekal sampai sekarang Kenapa masih teruja dengan bayang-bayang?

3. “Melayu mesti berpadu dan tetap bersatu!”. Malang nya laungan ini tidak di HALA kepada Melayu “atasan” yang dulu nya bawahan !! Mereka ini lah segala PUNCA penyakit Melayu di bawah di landa wabak perpecahan. Terlalu banyak khianat kemungkaran di lakukan dalam sedar. Sebahagian mereka lupa tujuan dan tanggungjawab. Mereka ini lah yang sebenar nya melupakan UMNO ! Melupakan Islam. Ambil contoh,mana muka-muka melayu elit, melayu koporat, melayu profesional (kecuali yang terlibat terus dalam politik) dan seumpama nya di Perhimpunan Agung UMNO ? Bukan kah UMNO itu untuk Melayu ? Kenapa berpilih-pilih ? PAS masih berjaya dengan ‘ustaz budak’ nya...

4. Masih tiada jemputan vip pada anak-anak muda Melayu biasa yang kepingin meluahkan rasa dan berteriak sama ? Apa istimewa nya menjadi ahli, jika air liur basi menyembur-nyembur ke muka muka pelapis ini! Politiking tidak perlu kepada status jawatan tinggi tetapi sudah memadai dengan ‘menurunkan’ ilmu-ilmu politik terdahulu, semasa dan akan datang yang mesti di canai, manipulasi mengikut resepi. Ini lah dia orang UMNO. Bakal menambah aset dan nilai. Bukan nya mencari kaya dalam ‘harta karun’ tersedia kerajaan.

5. Dan kepada Melayu P.Pinang, di mana keaslian nya ? Tanah di rampas, peniaga di hambat, malah secara berdepan di maki, di hina, masih mesti senyum dan berbudi bahasa ? Jangan di tangisi apa yang hilang. Ambil apa yang di beri di depan mata !

6. Maka pesan Tun amat pedas bercili, berapi. Bangunlah sekali lagi wahai JIWA-JIWA Melayu, cari semula yang hilang, hayati semula perjuangan kerana pesan Tun itu masih penuh hikmat.

RAPATKAN SAF, BERSATU SEMUA MELAYU, DEMI NEGARA, AGAMA ISLAM DAN MARUAH PAYUNGAN KITA. KITA BUKAN BANGSA YANG RASIS ! Mereka yang tamak itu rasis ! Sikap tamak itu sentiasa bertuan dan bercita besar menjadi tuan !

KITA SUDAH BERBUDI BERBAHASA UNTUK KESEJAHTERAAN SEMUA RAKYAT MALAYSIA DEMI PERPADUAN. KITA AKAN TERUSKAN LAGENDA INI – DULU KINI DAN SELAMA-LAMA NYA ! INSYA ALLAH.

• *milshah*

December 9, 2011 at 1:52 am | [Permalink](#)

Assalamualaikum Tun,

Memang PRU kali ni akan menjadi penentu apakah yang akan berlaku kepada nasib orang Melayu, sama ada akan terus melayu di tanah air sendiri atau berdiri gagah pahlawan terbilang.

Saya masih ingat lagi di awal PRU lepas, bagaimana nasib orang Melayu ketika BN telah mengalami kemerosotan paling teruk dalam sejarahnya dan Pakatan berjaya menawan 4 buah negeri. Pada ketika itu, didapati undi bukan Melayu lah yang menjadi utama, sebab undi Melayu telah terbahagi sama rata antara BN dan Pakatan. Berdasarkan kesimpulan ini, maka banyaklah usaha dilakukan untuk mendapat undi bukan Melayu. Orang bukan Melayu dianggap berkuasa sebab merekalah “king maker” di dalam PRU lepas.

Bermula di Selangor, penternakan babi terbesar diusahakan di Sepang, tempat di mana ramai penduduknya orang-orang Melayu. Gereja dan kuil dibina walaupun berdekatan dengan penduduk orang Melayu. Demikian juga di Pulau Pinang, harga tanah dinaikan sehingga orang Melayu di mampu tinggal di situ dan berpindah keluar dari Pulau Pinang. Di Perak pula, usaha dilakukan Pakatan supaya tanah-tanah dapat diberikan kepada orang bukan Melayu. PAS juga telah tukar matlamat dari perjuangan negara Islam kepada sebuah negara kebajikan.

Bukan itu sahaja, pihak tertentu yang kebetulan terdiri dari orang bukan Melayu mempersoalkan wujudkah kontral sosial itu?

Kontrak sosial yang dimaksudkan ialah orang bukan Melayu diberi hak warga negara dan menjadi rakyat negara ini dan sebagai balasan hak-hak istimewa orang Melayu dipertahankan.

Kontrak ini telah tersimpul rapi dalam perlembagaan waima Pakatan menang pun tidak dapat diubah. Sedarlah orang bukan Melayu yang cuba bermain api.

Pada ketika itu, orang bukan Melayu begitu lantang bersuara tentang hak-hak mereka. Tentunya penguasaan mereka dalam ekonomi dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan tidak boleh disentuh sama sekali. Tetapi hak-hak orang Melayu mereka mahu. Bak kata orang sekarang “What is mine is mine, what is yours is mine”.

Demikianlah nasib orang Melayu selepas kemerosotan teruk BN pada PRU lepas. Terasa hina dan kerdilnya orang Melayu ketika itu. Kerana taksud dengan parti masing-masing, orang Melayu berpecah, sehingga yang menjadi tuan sebenar di negeri orang Melayu ialah orang bukan Melayu.

Pemimpin UMNO juga serba salah hendak mempertahankan hak orang Melayu. Setiap kali ada yang cuba mempertahankan mereka akan dilabel sebagai “rasis”. Pemimpin Melayu ketika itu begitu takut dengan orang bukan Melayu kerana takut hilang undi orang bukan Melayu.

Alhamdulillah Tun masih ada. Maka wujudlah “game changer” iaitu tertubuhnya Perkasa. Sebelum istilah “game changer” wujud Tun dah lama praktikkannya. Kini orang Melayu ada sebuah pertubuhan yang lantang mempertahankan hak-hak orang Melayu dan tempat untuk orang Melayu memberi sokongan. Di mana UMNO tidak berani, Perkasalah yang akan mengambil tempatnya.

Wujudnya Perkasa, tsunami orang bukan Melayu yang mahukan kesamarataan berjaya dipatahkan disebabkan sokongan kuat yang diberi orang Melayu kepada Perkasa.

Pilihanraya-pilihanraya kecil yang ada selepas PRU lepas, menunjukkan orang bukan Melayu cuba menunjukkan “kuasa” mereka dengan mengundi Pakatan. Akan tetapi orang Melayu yang mula sedar hak mereka semakin terhakis telah mula kembali kepada BN. Maka yang memenangkan BN di pilihanraya kecil selama ini ialah orang Melayu.

Jelas di awal kepimpinan Dato’ Seri Najib, pelbagai usaha dilakukan untuk orang bukan Melayu undi BN semula. Bagi orang bukan Melayu, mereka masih di awang-awangan bahawa mereka masih ‘king maker’. Sebab itu mereka undi Pakatan. Akan tetapi jangkakan mereka silap, kerana orang Melayu telah mula sedar dan kembali bersatu. Apabila orang Melayu bersatu, hancur punahlah kuasa undi orang bukan Melayu.

Sekarang ini, pada PRU akan datang, jika orang bukan Melayu masih terus mahu undi Pakatan, mereka bakal menghadapi masalah sekiranya BN menjadi kerajaan tetapi MCA dan Gerakan kalah semua kerusi yang ditandingi mereka. MCA telah bersumpah tidak akan menyertai kerajaan jika gagal mendapat mandat dari pengundi bukan Melayu.

Ada kemungkinan, apa yang menimpa Sarawak di mana semua kerusi kawasan bumiputra dimenangi BN dan semua kerusi bukan bumiputra dikuasa pembangkang, akan terjadi di PRU akan datang jika orang bukan Melayu masih terus mengundi Pakatan. Dengan ini, orang bukan Melayu berdepan situasi mereka tiada wakil dalam kerajaan.

Orang Melayu juga kena fikir sebaik-baiknya siapa mereka akan undi, tersilap langkah, negara terjual.

- *As/see*

December 9, 2011 at 1:09 am | [Permalink](#)

after 54 years of Independence is it right and logical to play
Dear tenori_lopez,

“after 54 years of Independence is it right and logical to play the racial card? We should end this divide and rule system and uphold Nationality based on Mutual Love, Respect & Equality.”

Is Tun Dr Mahathir racist or you are in actual fact the purest racist ?

There is nothing wrong for him to recall and remember the fate undergone by his ancestor and worries on the younger generation. If your grandparents were to do the same, are you going to consider racist too?

Did you show respect to elderly person like Tun Dr Mahathir when you deliberately call him Dato' Seri ???

“You can see a great level of unity among Malaysians of my generation except in the rural states where it's a dominant race.

Can Malaysia survive without The Malays? ”

Are you not hurting the Malays???

Malays can survive. Why don't you follow the 350,000 people, we don't need you. Then you'll see that the Malays are not starving, they are only hungry during the day when they are fasting.

- *samuraimelayu@gmail.com*

December 8, 2011 at 10:49 pm | [Permalink](#)

SALAM KASIH DAN SAYANG
AYAHANDA RAKYAT TUN
Izinkan,

Salam kasish sayang Sdr.boonlertpratchaiDecember 8,

Tak perlu mengalir air mata.”...sedih betul baca ayat ini tun,,walaupun pahit tapi itulah kebenarannya...

Makanya jangan lah Melayu jadikan kata2 Hang Tuah sebagai dendangan kepada tarian ‘Singa’ tetapi jadikanlah landasan perjuangan mempertabatkan maruah dan kedaulatan bangsa di Tanah Pusaka Tok Moyang nya!

‘MELAYU TAK HILANG DIDUNIA BUKAN LANDASAN TETAPI LANDASAN PERJUANGAN’

ALFATIHAH, AMIN

• samuraimelayu@gmail.com

December 8, 2011 at 9:28 pm | [Permalink](#)

SALAM KASIH DAN SAYANG
AYAHANDA RAKYAT TUN
Izinkan,

tenori_lopezDecember 7, 2011 at 2:46 pm

....

It’s time overdue that we think as One Family, after 54 years of Independence is it right and logical to play the racial card? We should end this divide and rule system and uphold Nationality based on Mutual Love, Repect & Equality. Only then will the true essence of Patriotism be born in the purest meaning of the word.

Sayang kasih sayang tenori_lopez,
Upholding nationality based on mutual love, respect & equality is every Malaysian wish including our beloved Ayahanda Tun but it will remain wishful for as long we devide our children into three different school system ie the National school, the national type Chinese and Tamil streams.

You wud be suprised to hear that after 54 years of Merdeka there are still many so-called malaysian Chinese and Indians unable to speak proper Malay THE NATIONAL LANGUAGE !!!

It can be forgiving when the older chinese generation of this beloved country still pronouncing ‘satu latot’ meaning ‘satu ratus’ and ‘api kereta’ meaning kereta api by the older Indian generation but coming out from our young Malaysians (irrespective of ethnicity) make us really sad.

